



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**PROGRAM DISKUSI PERPADUAN CHIT CHAT BELIA:
BELIA MADANI MELESTARIKAN PERPADUAN**

14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

10.00 PAGI

**DEWAN KECEMERLANGAN,
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)**

**Assalamualaikum Warahamatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam Perpaduan,
Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya **memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana** dengan limpah kurnia-Nya kita **dapat berkumpul hari ini untuk menjayakan Program Diskusi Perpaduan Chit Chat Belia bertajuk Belia MADANI Melestarikan Perpaduan.**
2. Saya ingin **mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Perlis dan Sekretariat Rukun Negara Universiti Malaysia Perlis** yang bergabung tenaga berganding bahu menjayakan program ini. Semoga kerjasama yang terjalin ini dapat diperkasakan pada masa-masa yang akan datang.

PENGENALAN DAN OBJEKTIF PROGRAM DISKUSI PERPADUAN: CHIT CHAT BELIA

3. Matlamat dalam **membina sebuah bangsa yang berjaya** perlu seiring dengan usaha **memperkukuhkan perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan sosial** dalam kepelbagaian etnik dan agama serta kerencaman budaya dan adat resam yang kita miliki.
4. Justeru cabaran dan defisit sosial yang berlaku dalam persekitaran kita **memerlukan usaha penyatupaduan dimantapkan lagi**, terutamanya dari segi merapatkan jurang perbezaan persepsi dan pendapat dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama.

5. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah **mengambil inisiatif untuk menganjurkan Program Diskusi Perpaduan: *Chit Chat* Belia** bagi **menyemarakkan lagi pendidikan dan penghayatan Rukun Negara** di peringkat Institut Pengajian Tinggi di samping dapat menyampaikan mesej perpaduan yang dinikmati pada hari ini.
6. Untuk makluman semua, pada tahun ini **Program Diskusi Perpaduan: *Chit Chat* Belia** ini **dijadualkan sebanyak 8 siri dan 6 siri telah dilaksanakan di 6 buah negeri dan program yang akan dilaksanakan pada pagi ini merupakan siri yang ke-7.**
7. Program Diskusi Perpaduan : ***Chit Chat* Belia** adalah salah satu **program di bawah Semarak Kenegaraan** yang merupakan salah satu kluster dalam Kembara Perpaduan Malaysia Madani. Inisiatif ini juga seiring dengan **tujuan menyemarakkan usaha memperkukuh pendidikan penghayatan Rukun Negara dalam kehidupan seharian dalam kalangan mahasiswa.**
8. Pelaksanaan program ini **diterajui oleh Sekretariat Rukun Negara** bagi memastikan Sekretariat Rukun Negara sentiasa bergiat aktif dalam **usaha mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan Negara dalam kalangan mahasiswa** yang merupakan pemimpin masa hadapan Negara.
9. Pelaksanaan program ini juga **bertujuan meningkatkan pemahaman, penghayatan serta pengalaman rukun negara dalam diri mahasiswa di mana ia menjadi satu medium saluran ilmu lanskap senario ekosistem perpaduan negara.**

PENGHAYATAN RUKUN NEGARA

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

10. **Rukun Negara dibentuk dengan tujuan utama iaitu membentuk perpaduan yang kukuh.** Rukun Negara yang merupakan ideologi negara sejak tahun 1970, merupakan pengikat semangat cintakan negara dalam meraikan kepelbagaian sedia ada dalam negara kita.

11. Rukun Negara **tidak memberikan sebarang kesan dalam jiwa seseorang jika tidak mempunyai semangat patriotik** terhadap negara tercinta.
12. Kita kena akur dan terima sesungguhnya kita tinggal dalam sebuah **negara yang bersifat pluralistik** di mana rakyatnya terdiri pelbagai kaum, agama, adat dan budaya.
13. Justeru adalah sangat penting untuk **memahami dengan jelas dengan minda terbuka** terhadap keseluruhan cita-cita dan prinsip Rukun Negara **demi kelestarian keharmonian negara serta kestabilan politik negara** di dalam arus pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

PENUTUP

11. Sememangnya kita tidak dapat menafikan bahawa peranan **golongan belia yang merupakan aset utama negara** adalah amat penting kerana mereka adalah **sebahagian daripada ejen perubahan dalam misi membentuk sebuah negara yang berupaya dan berintegrasi**.
12. Mahasiswa memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan dan membentuk bangsa Malaysia yang maju, terampil dan terangkum serta saling memahami terhadap kepelbagaian yang ada.
13. Diharapkan **program seumpama ini dapat dijadikan sebagai tapak integrasi perpaduan** yang dapat **meningkatkan interaksi sosial merentasi etnik, agama dan kelas sosial** di peringkat Institut Pengajian Tinggi.
14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru agar setiap warganegara perlu **memikul tanggungjawab untuk menghayati dan mengamalkan Rukun Negara dalam kehidupan kita**. Ini adalah tanggungjawab kita terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

15. Perpaduan adalah nadi kekuatan negara kita di mana **kunci kepada perpaduan itu terletak pada Rukun Negara dan semangat perpaduan itu perlu berputik dalam diri** setiap individu anggota masyarakat secara jujur dan ikhlas.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan sukacitanya merasmikan Program Diskusi Perpaduan Chit Chat Belia bertajuk Belia MADANI Melestarikan Perpaduan.**

Sekian Terima Kasih.